

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA
KEJOHANAN TENIS MONTHLY MEDAL UniMAP 2009
19 APRIL 2009
DI KOMPLEKS TENIS PERLIS

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam
Sejahtera

Y.Bhg. Tuan Haji Abd Haris Ishak (Pengarah Kementerian
Belia dan Sukan Perlis)

Y.Bhg. En. Azahari Ramli (Pengarah Majlis Sukan Negeri
Perlis)

Y.Bhg. Ir. Ahmad Reza Ghulam Rasool (Presiden Persatuan
Tenis Perlis)

Ketua-ketua Jabatan UniMAP, Wakil-wakil media, para
peserta Kejujutan Kejujutan Tenis Monthly Medal UniMAP
2009 seterusnya warga kerja dan para mahasiswa UniMAP
yang dikasihi sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin inayahnya dapat kita semua berkumpul bersama-sama pada petang ini untuk menjayakan Kejohanan Tenis Monthly Medal UniMAP 2009 ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Pusat Sukan UniMAP dan Persatuan Tenis Perlis yang bertungkus lumus memastikan kelangsungan kejohanan tenis yang berlangsung selama dua hari. Sesungguhnya, komitmen dan kerjasama anda amat saya hargai.

Sesungguhnya, saya amat menyokong penuh penganjuran program seperti ini, kerana ia bukan sahaja mampu melahirkan badan yang sihat dan cergas, tetapi dapat pemain-pemain tenis yang kreatif, mahir berfikir, berkualiti tinggi serta dapat mewakili UniMAP dan Malaysia suatu masa nanti.

Selain itu juga, kejohanan seperti ini berfungsi sebagai salah satu program pembangunan dalam melahirkan bakat-bakat baru kepada industri tenis negara yang kekurangan generasi pelapes.

Ia turut membantu UniMAP untuk mengenalpasti pemain-pemain yang berpotensi di kalangan pelajar dan staf untuk

mewakili UniMAP pada mana-mana kejohanan sukan di peringkat negeri atau nasional.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya tidak melihat pengajuran kejohanan ini sebagai sekadar "melepaskan batuk di tangga". Sebaliknya, saya mengharapkan melalui kejohanan seperti ini, kita mampu mencari pengganti kepada pemain-pemain kebangsaan seperti Andy Cheng, Rosli Kasim, Ahmad Munir Che Mohamed, Alfie Wong dan ramai lagi.

Mungkin ada dikalangan anda semua tidak menyedari, Pengarah Pusat Sukan UniMAP sendiri iaitu En Afizal Abu Othman merupakan bekas pemain kebangsaan yang pernah mengharumkan nama negara.

Justeru, adalah sesuatu yang merugikan sekiranya kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh individu seperti ini dibazirkan begitu sahaja.

Besarliah harapan saya agar, UniMAP – sebuah universiti yang berteraskan kejuruteraan mampu untuk melahirkan bakat baru dalam sukan tenis yang mampu mengharumkan nama negara. Insya Allah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya difahamkan, lebih 150 penyertaan diterima bagi kejohanan pada kali pertama ini, yang melibatkan enam kategori. Jumlah penyertaan yang menggalakkan ini membuktikan, penganjuran sukan seumpama ini diterima dan ditunggu-tunggu oleh masyarakat Perlis.

Sebagai sebuah negeri yang kecil dengan bilangan penduduk yang tidak begitu ramai, acara-acara seumpama ini mampu menjadi wadah untuk masyarakat Perlis berhibur sambil beriadah bersama rakan taulan dan ahli keluarga.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada petang ini, sukalah saya mengingatkan semua peserta agar mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan dan saya amat berharap agar tidak berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini.

Kepada pasukan yang mungkin tewas, terimalah kekalahan dengan hati terbuka. Cuba lagi di masa akan datang. Dengan lafaz bismillahirmanirrahim, saya dengan ini merasmikan majlis Penutupan Kejohanan Tennis Monthly Medal UniMAP 2009.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.